

**TITAH UCAPAN RAJA MUDA PERLIS
DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL
PADA TAKLIMAT WARIS SEMPENA PENDAFTARAN MAHASISWA
BAHARU SIDANG AKADEMIK 2018/2019
BERTEMPAT DI DEWAN KECEMERLANGAN
UniMAP, PAUH PUTRA, ARAU, PERLIS
PADA 27 OGOS 2018, JAM 3.30 PETANG**

Bismillahirrahmanirrahim,

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”
serta Salam *“Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP”*.

Alhamdulillah, Saya bersyukur kehadiran Allah Aza Wajalla kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua maka dapatlah kita bersama-sama pada petang yang sungguh indah lagi berbahagia ini.

Pertama sekali, syabas kepada sekretariat UniMAP di atas komitmen padu yang diberikan dan pastinya majlis ini akan meninggalkan 1001 kenangan manis buat anak-anak serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan kerana ini merupakan hari pertama anak-anak atau jagaan Tuan-Tuan dan Puan-Puan menjejakkan kaki ke menara gading yang telah lama diimpikan.

Sebagai Canselor dan Pro-Canselor UniMAP, keberangkatan kami berdua merupakan 'simbolik' penerimaan warga baharu kami di UniMAP sebelum diserahkan kembali kepada ibu bapa dan waris pada Hari Konvokesyen kelak, InsyaAllah.

Saya amat mengalu-alukan semua warga baharu UniMAP ke Universiti ini yang kini sudahpun berusia hampir 17 tahun dan harapan Saya semoga para pelajar dapat menyesuaikan diri se pantas yang mungkin dengan persekitaran dan budaya hidup masyarakat di kampus dan juga negeri Perlis. InsyaAllah, semua di UniMAP akan sama-sama membantu mendidik dan membimbing mereka dengan sepenuh hati.

Hadirin sekalian,

Kemajuan sesebuah negara amat bergantung kepada tahap intelektual rakyatnya khususnya golongan muda iaitu anak-anak mahasiwa hari ini. Sepertimana yang dikatakan oleh Dr. Yusuf Qaradhwi, *"Jika pemuda diibaratkan dengan sinaran cahaya matahari maka samalah pada kecerahan dan keterikan pada jam 12 tengah hari"*.

Demikianlah perumpamaan yang dikaitan dan menjelaskan betapa pentingnya golongan mahasiswa yang rata-rata berusia 25 tahun dan ke bawah yang berkembang dengan begitu istimewa dalam masyarakat kerana mereka adalah pencetus hala tuju negara di masa akan datang.

Sesungguhnya, persaingan bagi mendapat tempat di menara gading semakin sengit lantaran ramai anak-anak muda kini memiliki intelek yang cemerlang. Justeru, di kesempatan ini Saya ingin menitipkan sedikit pesanan sebagai panduan kepada mahasiswa menghadapi hari-hari mendatang sebagai golongan yang begitu berharga kepada nusa dan bangsa kita.

Pertama

Di usia muda ini, gunakanlah peluang sebaiknya sebagai sukarelawan yang berbakti kepada masyarakat. Menjiwai masyarakat dengan menjalankan pelbagai aktiviti bersama dapat menjadi 'penyuluh' tentang keberadaan mahasiswa di sekitar mereka. Hal ini dapat menilai tahap moral dan sahsiah anak-anak dalam berbakti kepada masyarakat dan mereka jua akan kembali berbakti kepada masyarakat suatu hari nanti. Tampillah ke hadapan menawarkan diri setiap kali terdapatnya program gotong-royong dan sebagainya.

Kedua

Mempunyai daya inovasi dan kreatif bagi mengharungi era globalisasi ini. Peluang sebagai seorang mahasiswa harus dimanfaatkan sebaiknya dengan menonjolkan bakat tanpa terlalu bergantung kepada tenaga pengajar dalam menjalani rutin kehidupan di kampus. Secara tidak langsung, ia menjadi elemen utama diperlukan jika anda mahu menjadi seorang usahawan nanti. Ia juga adalah salah satu daya penarik buat

majikan untuk mengambil anda jika anda berhasrat menjadi sebagai pekerja kelak.

Ketiga

Memulakanlah sesuatu pekerjaan yang ingin dilakukan itu dengan niat beroleh keberkatan di dunia dan di akhirat. Tanamkan niat yang baik setiap hari sebelum ke kuliah serta lakukan apa jua kebaikan kerana Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Hormatilah tenaga pengajar, berbuat baiklah sesama rakan dan cintailah kebersihan kampus dan negeri ini serta hargailah segala kemudahan yang ada.

Keempat

Puluhan ribu graduan selepas tamat pengajian akan bersaing untuk mengisi peluang pekerjaan. Usah 'segan' bergaul dan mengenali rakan-rakan antarabangsa anda untuk saling berkongsi ilmu dan pengetahuan. Belajarlah bertutur di dalam bahasa asing seperti Mandarin, Arab, Tamil dan lain-lain lagi. Ia sekaligus akan meningkatkan kemahiran dan keyakinan mahasiswa dalam aspek komunikasi, malah kajian yang dijalankan oleh *International Employer Barometer (IEB)* bertajuk "*Graduate Employability: The Views of Employers*" mendapati lebih 85% majikan menganggap kemahiran berkomunikasi dengan baik sangat penting dalam proses pengambilan pekerja, dan seterusnya

Kelima

Mahasiswa tidak boleh bersikap 'pesimistik' iaitu terlalu mudah putus harapan dan cepat mengalah sebelum mula berjuang. Justeru, setiap mahasiswa perlulah sentiasa bersedia menghadapi sebarang bentuk tugas dan juga cabaran yang mendatang.

Hadirin sekalian,

Sebelum mengakhiri titah, ibu bapa dan waris usah gusar dengan cabaran yang perlu dilalui oleh anak-anak atau jagaan anda kerana berada di UniMAP. Walaupun usia universiti ini masih 'muda', namun graduan UniMAP amat dialu-alukan oleh pihak industri.

Ini dibuktikan dengan statistik yang menunjukkan graduan mendapat pekerjaan selepas 6 bulan bergraduasi melebihi 80%. Malah, bagi tahun 2017 data kebolehpasaran graduan selepas 6 bulan bergraduasi mencatatkan rekod 93.92%. Justeru, harapan Saya agar para pelajar belajarlah dengan bersungguh-sungguh dan jangan disia-siakan peluang yang ada ini.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri titah, tahniah sekali lagi kepada siswa-siswi, ibu bapa serta penjaga sekalian. Saya dan Raja Puan Muda Perlis berharap para pelajar dapat segera menyesuaikan diri dan dapat mengikuti pengajian dengan selesa di bumi Perlis ini, InsyaAllah.

"Selamat Maju Jaya" dan "All The Best".

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.